

## KPDNHEP rampas lebih RM2 Juta barangan dari peniaga ingkar di Sarawak

28/04/2020 08:57 PM

**KUCHING**, **28 April** -- Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak telah merampas barang dagangan bernilai RM2,443,198.88 sejak 1 Jan hingga hari ini dari peniaga yang melanggar peraturan di bawah pelbagai akta.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, KPDNHEP Sarawak berkata dalam tempoh itu juga pihaknya telah memeriksa 15,593 premis perniagaan di dalam kawasan bandar dan luar bandar, dan mengeluarkan kompaun berjumlah RM83,650 terhadap pelbagai kesalahan.

"Bagi kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 sahaja, ia melibatkan 221 kes, dengan dengan nilai rampasan RM18,839.22 dan jumlah kompaun RM49,000 di samping sejumlah 49 Notis Pencatutan telah dikeluarkan," menurut kenyataan itu.

Daripada jumlah keseluruhan notis pencatutan itu, 29 notis telah dikeluarkan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah berlangsung sejak 18 Mac lepas.

"Sepanjang tempoh PKP dari 18 Mac hingga 28 April, KPDNHEP Sarawak merekodkan 31 kes melibatkan pelbagai kesalahan dengan nilai rampasan RM34,078.35 serta nilai kompaun RM13,350, dan dalam tempoh itu juga 288 aduan telah diterima," menurutnya.

-- BERNAMA

https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1836631